

**PERSOALAN PEMBAHAGIAN
HARTA DALAM
ADAT PERPATIH**

Oleh

HARADED BT. MOHD DOM

PERSOALAN PEMBAHAGIAN HARTA
DALAM ADAT PERPATIH

OLEH
FARADED BT. MOHD DOM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINSKEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1978/1979

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani”

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayatnya dapatlah menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada penyelia Latihan Ilmiah ini iaitu Encik Encik Amran Kasimin, pensyarah di jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana dengan dorongan dan tunjuk dari beliau maka Latihan Ilmiah ini dapat dilaksanakan. Bukan setakat memberikan bimbingan, malah beliau juga yang telah mengesyorkan judul Latihan Ilmiah ini. Kepada beliau dipohonkan semoga Allah membalas jasa yang telah dicurahkan itu.

Tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan University Malaya kerana telah menyediakan beberapa kemudahan dalam masa menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Dengan menggunakan bahan-bahan bacaan yang tersedia di perpustakaan tersebut, ini adalah merupakan titik tolak bagi saya memulakan Latihan Ilmiah ini.

Kepada semua individu yang telah memberikan sumbangan dalam masa saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini tidak saya lupakan. Terutamanya pihak suami saya yang telah sumbangan kewangan dan dorongan untuk saya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, namun begitu, saya amat menyedari akan kekurangan beberapa aspek seperti isi kandungan dan teknik penulisan Latihan Ilmiah ini.

Akhir kata saya berdoa semoga kita semua diberkati Allah dan dikurniakan kesejahteraan sepanjang masa.

Faraded bt. Mohd Dom,
UKM, Bangi,
28/2/1979.

PENDAHULUAN

Telah banyak tulisan-tulisan, pandangan-pandangan dan kajian-kajian dilakukan menyentuh tentang Adat Perpatih. Ia bukan sahaja menarik minat penulis-penulis tempatan tetapi juga oleh penulis-penulis Barat sejak awal abad ke 20. Dengan lahirnya kajian-kajian ini, pengetahuan kita tentang masyarakat Melayu tradisional menjadi lebih meluas. Kita dapati kajian-kajian itu membawakan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

Di antara penulis-penulis tempatan yang membuat kajian tentang masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ialah Abdul Kahar Bador dalam buku-bukunya *Adat Perpatih di Tanah Mengandung, Satu Pengajian Mengenai Aliran Masyarakat*, untuk Latihan Ilmiah Sarjana Sastera yang diajukan kepada Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1961, dan *Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays*, Tesis M.A. Jabatan Anthropology London School of Economics, 1963. Azizah Kassim, kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Barat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1969. Mohd. Dahlan Hj. Aman, Pentadbiran Adat ke atas Tanah di Naning (Melaka), Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, 1968. Abdul Rahman Mohammad, *Dasar-dasar Adat Perpatih*, terbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964 dan beberapa orang pengkaji lagi.

Selain dari kajian-kajian ilmiah yang dilakukan oleh golongan pensyarah-pensyarah, terdapat juga tesis-tesis yang diusahakan oleh mahasiswa khusus mendapatkan Ijazah Kepujian. Mereka yang digolongkan ke dalam kategori ini ialah Mohd. Rafdzi Hj. Maulud, *Proses Pemilikan Tanah Komuniti Adat Perpatih*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975. Marzuki Hamid, *Pengaruh Adat Perpatih Dalam Pemikiran Masyarakat Islam di Jelevu* Penekanan Khusus Pada Perkahwinan, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975 dan beberapa orang lagi.

Penulis-penulis Barat yang menulis tentang Adat Perpatih ini bukanlah menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah, tetapi hanya berupa kajian-kajian bersifat naratif. Di antara penulis-penulis yang berminat tentang masyarakat Melayu beradat Perpatih ini ialah Parr, C.W.C & Mackray, W.H., 'Rembau, one of the Nine States, its History, Constitution Customs', *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 1910. De Moubray, G.A., *Matriarchy in the Malay Peninsula & Neighboring Countries*, 1931, London, Roitledge & Son. Caldecott A. 'Jelevu, Sri Menanti, Johol', *Papers on Malay Subject*, 1912. Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan*, Jakarta, Bhanatra, 1960. M.G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelevu*, 1965, dan beberapa tulisan lagi misalnya oleh M.B. Hooker, R.O. Wilkinson, Sheehan, Taylor, Ramsay dan beberapa sarjana Barat yang lain, sama ada penulis amatir atau ahli-ahli Antropologi dan Sosiologi.

Walaupun Adat Perpatih ini telah banyak di tulis, lebih-lebih lagi tulisan-tulisan itu membawakan pendekatan yang berlainan, didapati masih terdapat lagi aspek-aspek sosio-budaya masyarakat Melayu Adat Perpatih itu yang masih memerlukan kajian. Oleh sebab masyarakat itu sesuatu yang dinamik begitu dengan aspek-aspek budayanya, maka penulisan-penulisan begini adalah penting untuk

memastikan bahawa setiap tahap perubahan dalam masyarakat itu akan dapat dikesan dan diabadikan agar tidak hilang ditelan zaman.

Dengan membawa tajuk ‘Persoalan Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih’, saya cuba memaparkan persoalan-persoalan yang timbul dari segi pelaksanaan pembahagian harta yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih. Kita sering kali dihadapkan dengan persoalan bahawa sistem pembahagian harta yang dilaksanakan oleh masyarakat Adat Perpatih adalah bertentangan dengan ketetapan Hukum Syarak mengikut Hukum Faraid. Di samping itu timbul juga pandangan yang mengatakan bahawa dari segi praktiknya sistem ini sudah mengalami sedikit perubahan. Untuk menentukan sama ada kenyataan ini mempunyai kebenarannya, maka berdasarkan kajian ini akan diperlihatkan kesimpulan-kesimpulan untuk memastikan jawapannya.

TUJUAN DAN SOP KAJIAN

Walaupun telah banyak dilakukan kajian dan penulisan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan, namun dirasakan masih terdapat beberapa kekurangan tentang aspek penulisan itu. Masih ada aspek-aspek lain yang belum lagi terbongkar untuk pengetahuan umum. Terdapat latihan-latihan ilmiah yang ditulis oleh pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa dengan membawakan tajuk-tajuk yang menarik, dengan menyorot cari pelbagai-bagai sudut sosial dan ekonomi. Lebih terperinci lagi, terdapat kajian-kajian yang menyentuh tentang institusi perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih, Institusi kekeluargaan, pemikiran masyarakat tersebut dan dari segi tanah pusaka.

Dengan membawakan tajuk ‘Persoalan Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih’, penulis akan cuba mengkaji bagaimana cara perwarisan harta dari sistem pembahagian harta itu dan beberapa cadangan bagi mengatasi persoalan yang timbul dari segi perwarisan harta yang demikian.

Berdasarkan kajian perbandingan di antara cara pembahagian harta di dalam Adat Perpatih dan cara pembahagian harta mengikut Hukum Syarak, akan timbul beberapa persoalan seperti kesamaran yang timbul di antara kedua-dua sistem tersebut, aspek-aspek yang menimbulkan kekeliruan dan perkara-perkara yang bertentangan di antara kedua sistem pembahagian harta.

Oleh sebab kawasan mengamalkan Adat Perpatih ini terhad, iaitu di kawasan Negeri Sembilan dan daerah Alor Gajah di Melaka, penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana daerah yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan yang menyeluruh yang menyentuh Adat Perpatih dari segi pembahagian harta merupakan skop kajian di dalam tesis ini. Diharapkan juga lahir lagi penulis-penulis yang lebih terperinci mengenai aspek-aspek di dalam Adat Perpatih ini seperti yang di utarakan oleh M.G. Swift¹ bahawa ciri-ciri terpenting berkenaan masyarakat tradisional hanya sedikit sahaja diketahui. Banyak aspek-aspek dinamik penyelenggaraan masih lagi menantikan pengkajian.

¹ Swift, M.G, Malay Peasant Society in Jelebu, London School of Economics Monographs on Social Anthropology, no. 27, University of London, The Athlone Press, New York, 1965, Hal. 51.

METODE KAJIAN

Dengan menggunakan bahan-bahan yang telah sedia ditulis dan dikaji oleh beberapa penulis awal tentang Adat Perpatih tersebut kepada bidang yang lebih kecil skopnya iaitu “Sistem Pembahagian Harta Dalam Masyarakat Adat Perpatih”. Bahan-bahan bacaan seperti kajian-kajian ilmiah oleh pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa, journal-journal oleh pengkaji-pengkaji Barat, buku-buku yang ditulis sendiri oleh penulis-penulis tempatan dan kertas kerja-kerja seminar yang terdapat di perpustakaan universiti Kebangsaan mahupun University Malaya, merupakan bahan-bahan asas yang digunakan bagi penulisan bagi tesis ini.

Mungkin terdapat perbezaan di antara apa yang di tulis di dalam bahan-bahan bacaan tersebut dengan apa yang dilaksanakan pada waktu ini, tetapi dengan beranggapan bahawa sumber penulisan awal itu boleh menggambarkan satu ciri yang umum dan sering diamalkan oleh masyarakat tersebut maka apa yang wujud pada hari ini tidak bermakna bahawa bahan tulisan itu menjadi satu perkara yang tidak boleh diterima. Apa yang penting di sini kita mengambil satu contoh yang benar-benar pernah wujud atau diamalkan dalam erti kata itulah satu-satu perkara yang dapat menggambarkan realiti di dalam masyarakat Adat Perpatih itu.

Perubahan-perubahan yang terdapat pada hari ini di dalam beberapa institusi masyarakat tersebut yang berbeza dari apa yang ditulis oleh penulis-penulis itu, tidak dapat dielakkan kerana satu ciri masyarakat ialah sentiasa berubah atau dinamik. Oleh itu untuk melihat gambaran tradisional tentang masyarakat itu, kita perlu meninjau semula keadaan silam mereka berdasarkan bahan-bahan yang terdapat di dalam kajian-kajian yang terdahulu.

Dengan menggunakan metode kajian seperti yang diperkatakan di atas, diharapkan penulisan ini akan tercapai walaupun penulis sendiri menyedari bahawa terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan di beberapa bahagian. Kekurangan itu timbul kerana terdapat sangat sedikit penulisan yang menyentuh sistem pembahagian harta Adat Perpatih ini secara terperinci. Untuk mengatasinya, penulis terpaksa juga menemui penduduk-penduduk di Negeri Sembilan sendiri dengan mengadakan perbualan-perbualan secara tidak rasmi. Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri kurang memahami beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat itu bukan terdapat secara bertulis untuk difahami. Mungkin generasi yang akan datang tidak mengetahui langsung beberapa aspek tentang adat tersebut.

BAB PERTAMA

Adat Sepintas Lalu

1. Pengertian Adat:

Pengertian adat mengikut kaca mata penulis-penulis Barat seperti Hooker¹, Taylor² dan di dalam A Dictionary of the Social Sciences, tertakluk kepada kebudayaan mereka dalam erti kata peraturan atau norma-norma yang mengatur kehidupan masyarakatnya. Begitu juga dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh penulis-penulis tempatan seperti Dr. Abdullah Siddik, Datuk Samad Idris, Haji Abbas bin Haji Ali dan Hashim bin Ab. Ghani serta beberapa orang penulis di Indonesia seperti Sorojo, Kusurnadi, Mohd Koesnoe, Hazairin dan lain-lain yang mengkaji tentang Adat Melayu.³

Walaupun pengertian adat itu berbeza-beza, namun pada dasarnya ia membawa erti yang salin berkaitan. Menurut Hooker, perkataan adat adalah berasal dari Bahasa Arab iaitu 'adah'. Di antara aspek-aspek yang meliputi pengertian yang luas itu ialah:

- Manners – etiquette;
- Proper, in the sense of correct;
- The natural order e.g. rivers run downhill – the sun sets in the west and rises in the east;
- Law – in the sense of rules of law;
- Law – in the sense of concept of law – this sense of adat is related to (iii) above, e.g. it is adat that law and religion complement each other and do not clash.⁴

Dari pengertian yang diberikan di atas nyatalah bahawa adat itu meliputi segala bentuk kehidupan manusia dan memang tidak dapat dipisahkan di antara adat dan kehidupan manusia.

Pengertian adat yang diberi oleh Hooker itu menyentuh aspek kelakuan yang lebih mendekati soal-soal etika atau moral, sesuatu yang dianggap elok atau sesuai dan dapat diterima oleh sesuatu masyarakat atau dapat juga dikatakan sebagai undang-undang kemasyarakatan, hukum alam atau keadaan semula jadi yang menerangkan tentang fenomena-fenomena alam, adat yang membawa pengertian undang-undang dan akhirnya adat juga dimaksudkan fakta undang-undang yang tidak bertentangan dengan hukum Islam. Undang-undang yang diamalkan dan menjadi satu kebiasaan dalam cara hidup sesebuah masyarakat itu adalah berdasarkan kepada hukum Islam seperti yang dinyatakan di dalam pepatah:

¹ Lihat Hooker di dalam bukunya Reading in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970, hal [xi]. (Reading in Malay Adat Laws).

² Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publications, Great Britain, 1964, hal, 17. (Dictionary of the Social Sciences).

³ Melayu di sini dirujuk kepada Melayu di Indonesia dan Malaysia. Oleh itu Adat Melayu dipanggil juga Customary law oleh pengkaji-pengkaji Barat.

⁴ Reading in Malay Adat Laws, hal. [xi]

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah
Kuat Adat, tak gaduh Hukum
Kuat Hukum, Tak gaduh Adat
Ibu hukum muafakat
Ibu Adat muafakat.¹

E.B. Taylor² memasukkan adat di dalam pengertian budaya³ iaitu 'as one of the capabilities and habits acquired by men as member of society'. Pengertian ini mempunyai persamaan dengan pengertian adat yang diberi oleh Abdullah Siddik iaitu adat dapat dikatakan sebagai satu cara hidup masyarakat yang terdiri dari manusia yang berakal di mana cara hidup ini dituangkan dalam peraturan-peraturan bagi masyarakat itu dan dijadikan pedoman hidup bagi ahli-ahlinya.⁴

Oleh sebab masyarakat itu mempunyai budaya dan budaya itu merupakan satu cara hidup bagi masyarakat manusia maka adat sebagai salah satu unsur budaya itu akan diturunkan kepada anggota-anggota masyarakat melalui proses sosialisasi. Dengan cara ini dapat dipelihara.

Pengertian adat yang luas juga boleh difahami berdasarkan definisi yang diberikan oleh Datuk Samad Idris yang berbunyi: Adapun yang dinamakan adat itu ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari jelasnya menurut istilah sekarang ialah 'undang-undang negara'.⁵ Beliau menyamakan pengertian adat itu dengan 'undang-undang negara' yang diamalkan sekarang kerana sebelum wujudnya undang-undang moden yang mengatur hidup bermasyarakat dan bernegara untuk menjaga kestabilan masyarakat, adat ini memainkan peranan penting. Contoh yang paling jelas ialah Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan daerah Naning dan Alor Gajah di Melaka.⁶

Adat yang menjadi peraturan hidup ini sentiasa berubah dan diperbaharui mengikut keadaan waktu dan masa seperti yang dinyatakan di dalam perbilangan di bawah:

Sekali air bah, sekali pasir berubah,

¹ Hooker, *Adat Laws in modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 35. (Adat Laws).

² *A Dictionary of the Social Sciences*, hal 176.

³ Budaya ialah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, moral, adat resam dan apa juga kebolehan serta kebiasaan (tabiat) didapati oleh manusia sebagai ahli sebuah masyarakat. Definisi ini diberikan oleh seorang pengkaji masyarakat iaitu Aziz Deraman, *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975, hal 8.

⁴ Abdullah Siddik, *Adat dan Modenisasi*, kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, pada 10-12 April 1974, (stensilan), hal 3. (Adat dan Modenisasi).

⁵ Datuk Samad Idris, *Kemudian dalam Adat Perpatih*, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, pada 10-12 April 1974, (stensilan) hal. 3.

⁶ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, University Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal 157. (Pengantar undang-undang Adat)

Sekali raja mangkat, sekali adat beralih,
Sekali than beredar, sekali musim bertukar.

Dan juga di dalam perbilangan di bawah:

Ibu adat ialah muafakat,
Usang-usang diperbaharui,
Yang lapuk disokong,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang.

Dari perbilangan di atas jelas menunjukkan bahawa adat itu satu-satu yang dinamik, tidak statik, kaku dan beku. Kenyataan ini diakui oleh Haji Abbas bin Haji Ali di dalam pengertian adat kerana kata-katanya, 'adat seperti undang-undang juga adalah seumpama kanun pemeliharaan dalam mewujudkan keperibadian tata-kesusilaan masyarakat bagi bangsa dan nusa seperti lain-lainnya ia tertakluk kepada undang-undang alam mengalami perubahan.'¹

Setelah melihat pelbagai-bagai pengertian adat yang telah dipaparkan tadi, didapati adat itu tidak lepas dari nilai-nilai hidup yang dipegang oleh masyarakatnya. Nilai-nilai hidup masyarakat itu digambarkan berdasarkan tingkah laku dan pemikiran masyarakat itu.

2. Pembahagian Adat:

Perkataan adat terbahagi pula kepada empat bahagian atau asa yang menjadi pokok perpegangan kepada mereka yang memegang teraju adat.² Andainya hakikat pembahagian ini tidak difahami, ia akan menyelewengkan maksud adat itu yang asal dan menghasilkan pengertian yang terpesong. Keempat-empat pembahagian itu ialah:

- i. Adat yang sebenar adat
- ii. Adat yang diadatkan
- iii. Adat nan teradat
- iv. Adat istiadat

a) Adat yang sebenar adat:

Ditinjau dari segi faksafah, adat yang sebenar adat berpangkal kepada hukum alam ketentuan alam yang hakiki, abadi dan tidak berubah-ubah. Berguru kepada alam yang abadi dan hakiki itu dijadikan peraturan yang berbunyi"

Adat air cair membasahi,
Adat api panas, membakar.

¹ Haji Abbas bin Haji Ali, Sebahagian Dari Dasar Hidup, kertas kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, pada 10-12 April, 1974, (stensilan), hal 1. (Sebahagian dari dasar hidup).

² Pengantar Undang-undang Adat, hal 6.

Adat inilah yang dikatakan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Begitu juga dengan semboyan: **biar mati anak asalkan jangan mati adat**, hanya dihadkan kepada adat yang sebenar adat dan ini juga merupakan sesuatu yang telah termaktub di dalam kitab suci al-Quran. Misalnya hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Islam di dalam cara pembahagian harta pusaka, merupakan satu-satu yang tidak boleh diubah mengikut peredaran zaman sebaliknya peredaran zaman yang moden sekarang ini hendaklah menyesuaikan diri dengan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah itu.

b) Adat yang diadatkan:

Adat yang diadatkan merupakan suatu peraturan dan ketetapan yang diambil dari permuafakatan yang bertujuan untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang terutama dalam kehidupan sosial seperti di dalam pergaulan, bidang ekonomi dan sebagainya.¹

Adat ini tetap akan berlaku selama ia masih ditaati oleh orang ramai dari kalangan masyarakat itu. Jika adat itu di mahukan sesuatu perubahan, maka hendaklah diadakan mesyuarat dan muafakat sesuai dengan petunjuk adat:

Tiap sesuatu dengan muafakat
Begitu kata maka suci, begitu perbuatan maka sempurna.²

Mesyuarat juga perlu diadakan jika sebahagian besar dari dukung adat telah mulai banyak menyimpang daripada adat yang diadatkan. Contoh yang dapat mewakili bahagian adat yang diadatkan ini ialah Adat Perpatih yang diamalkan oleh penduduk-penduduk di Negeri Sembilan dan daerah Alor Gajah di Melaka.

c) Adat yang teradat:

Adat ini agak berbeza dari penepatan di dalam adat yang diadatkan kerana ini ialah adat kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa mesyuarat atau ditetapkan terlebih dahulu.³ Adat ini banyak berlaku di dalam kehidupan sehari-hari seperti kepatuhan anak terhadap ibunya atau rasa hormat yang timbul oleh seorang yang muda terhadap yang tua dan antara seorang pemerintah dan yang diperintah. Oleh sebab adat ini telah menjadi kelaziman dalam masyarakat, maka ia akan terus diikuti oleh generasi seterusnya, tanpa perlu dibentuk terlebih dahulu.

d) Adat Istiadat:

Ialah adat dalam pengertian upacara atau dapat dikatakan tata tertib yang berlaku dalam satu-satu upacara atau ritual. Prof. Koentjaraningrat memberi pengertian adat sebagai kumpulan norma-norma atau satu perlakuan ini berbentuk upacara-upacara yang menggambarkan sesuatu kepercayaan.

¹ Ujang bin Tahar, Adat Kekeluargaan di kalangan Masyarakat Melayu Benteng, Pahang dan Pandangan Islam terhadapnya, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975/76, hal 28.

² Adat dan Modenisasi, hal. 7.

³ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 9.

e) Kandungan Adat

Adat lahir kerana manusia mahu mewujudkan kesusilaan yang berteraskan kepada perbuatan dan tingkah laku manusia dalam hidup bermasyarakat. Oleh itu adat merupakan gembungan pelbagai subsistem. Sistem nilai, sistem kekeluargaan, sistem politik, sistem ekonomi, sistem hukum adat dan sistem pelapisan. Segala subsistem ini saling melengkapi. Merentas semua subsistem ini ialah satu matlamat dasar hidup berasakan budi dan muafakat.¹

f) Hukum Adat

Dr. Abdullah Siddik dalam bukunya “Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia”, mengatakan bahawa pembahagian adat seperti yang diterangkan di atas tadi sangat penting untuk mengetahui bahagian adat yang mana boleh diertikan sebagai Hukum Adat, kerana dari pengertian adat yang luas itu termasuk juga aspek hukum dan falsafahnya.² Dasar hukum (undang-undang) di Barat berasakan teori ahli fikir Inggeris iaitu Austin dan Kelsen yang menyifatkan hukum itu sebagai satu perintah yang diberi oleh pihak pemerintah itu tidak ditaati, maka pemerintah akan menggunakan kekerasan sebagai sangsi (sanction) supaya undang-undang itu diikuti. Sedangkan dasar hukum di dalam adat adalah hukum yang tidak tertulis dan ia merupakan pernyataan rasa keadilan yang hidup di sanubari rakyat sendiri. Di samping itu perlu pula difahami bahawa tidak semua adat itu mengandungi aspek hukum. Untuk menentukan bahagian adat yang berunsurkan hukum. Van Dijkk memberikan istilah sebagai Hukum Adat.³ Hukum Adat dan Adat tidak dapat dipisahkan dan mungkin dapat dibezakan sebagai adat yang ada aspek hukum dan adat yang tiada aspek hukum. Beliau menghuraikan bahawa untuk membendakan peraturan-peraturan hukum ini dari peraturan-peraturan adat lainnya, maka untuk menjelaskannya di muka perkataan itu dibubuhkan perkataan ‘hukum’.

Hukum itu tidak boleh berjalan sendiri tanpa ada penguasa. Penguasa ini membentuk hukum yang timbul dari rasa tanggungjawab setiap masyarakat. Jika hukum ini dikaitkan dengan agama Islam, jelas sudah hukum di dalam Islam termaktub di dalam Kitab Suci al-Quran. Sesiapa yang melanggar hukum Islam itu dianggap telah melanggar undang-undang Allah. Oleh sebab di dalam adat itu terdapat kaedah baik dan buruk maka terpulanglah kepada sesebuah masyarakat itu untuk membuat garis panduan sebagai pembatasan di antara yang buruk dan yang baik tadi. Dengan ada pembatasan di antara yang baik dan yang buruk tadi, seseorang individu di dalam masyarakat tadi dapat memilih yang mana satu perlakukan yang patut ditiru dan yang mana patut ditinggalkan. Yang ditiru ialah yang baik dan dilakukan berulang-ulang kali akhirnya berlakulah pengukuhan, manakala perlakuan yang buruk, akan mendapat tentangan dan ditinggalkan. Perbuatan yang baik tadi akan diulang-ulang perlakuannya lalu berkekalan menjadi adat yang diterima ramai. Hukum adat ini bukan satu paksaan kerana tidak dikanunkan. Ia hanya merupakan penghayatan masyarakat terhadapnya, timbul dari rasa keinsafan yang tidak mahu mengkhianati sesuatu yang telah bulat dimuafakati.

¹ Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970, hal. 66.

² Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 11.

³ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 14.

Oleh sebab perkataan hukum itu membawa unsur hukuman bagi yang melanggarnya, maka orang yang melanggar hukum yang terdapat di dalam adat, akan dianggap orang yang tidak beradat. Untuk tidak dianggap demikian, maka setiap individu akan patuh kepada hukum itu seperti mana pengertian Hukum Adat yang diberikan oleh Bellefroid iaitu sebagai peraturan hidup yang meskipun tidak diudangkan oleh Penguasa Negara tetapi sentiasa dianuti oleh rakyat dengan keyakinan bahawa peraturan-peraturan tersebut berlaku sebagai hukum.¹

Abdullah Siddik menyimpulkan pengertian hukum adat seperti di bawah :

- i. Hukum Adat merupakan sebahagian dari adat, iaitu kaedah-kaedah yang mempunyai pengukuhan (sanction).
- ii. Pengukuhan atau sanksi itu tidak semestinya sanksi hukum, cukup asal ada sanksinya dengan tidak memperdulikan jenis hukuman itu, dari yang ringan-ringannya sampai kepada yang paling berat.
- iii. Hukum Adat adalah hukum kerana ia mempunyai akibat hukum, tetapi istilah hukum pada adat pengertiannya lebih luas dari pengertian hukum di Barat. Hukum adat merupakan norma-norma atau kaedah-kaedah yang bersumberkan perasaan keadilan rakyat yang selalu berkembang dan meliputi peraturan-peraturan tingkah laku manusia dalam kehidupan sehari-hari dalam masyarakat.²

g) Adat di Malaysia

Setelah kita mengetahui pengertian adat, pengertian hukum adat dan sekarang akan diperlihatkan pula adat yang terdapat di Malaysia sendiri. Sebagaimana yang diperkatakan tadi bahawa adat memang tidak boleh dipisahkan dari masyarakat kerana fungsi adat di dalam masyarakat amat penting iaitu mencipta satu masyarakat yang teratur dan memenuhi syarat keamanan dan keadilan buat setiap anggotanya.

Setelah seorang dari sarjana Barat yang mengkaji tentang adat di Malaysia iaitu Wilkinson, mengatakan bahawa terdapat dua jenis adat yang diamalkan di Semenanjung Tanah Melayu. Adat-adat itu ialah Adat Perpatih dan Adat Temenggung.³ Sarjana-sarjana hukum Barat menyebut kedua-dua jenis adat tersebut dengan istilah “Malay Custom” sebagai terjemahan dari Adat Melayu. Di bawah ini akan diuraikan tiap-tiap satu adat-adat tersebut.

• Adat Perpatih

Adat Perpatih menurut istilah ialah satu urutan kata yang merupakan amalan bagi satu-satu golongan masyarakat khususnya bagi masyarakat melayu di Negeri Sembilan dan daerah Alor Gajah di Melaka. Sedangkan istilah Perpatih itu sendiri

¹ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal 19.

² Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 18.

³ Readings in Malay Adat Laws, hal. 159.

adalah merupakan nama bagi orang yang mempelopori sistem hidup ini iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang.¹ Segala peraturan serta hukum yang diwujudkan dalam sistem adat ini bertujuan untuk membendung perlakuan-perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota-anggota masyarakatnya.

Adat Perpatih merupakan satu peraturan hidup, kawalan sosial juga sebagai satu sistem kekerabatan yang liberal dan menyeluruh. Oleh itu terdapat konsep-konsep tertentu di dalamnya seperti jurai, perut, suku dan sebagainya.

Konsep-konsep yang menggambarkan hubungan kekerabatan

Konsep ini selalu dikaitkan dengan susur galur keturunan seseorang. Dalam Adat Perpatih, jurai keturunannya berbentuk unilineal, iaitu keturunannya hanya di susur-galurkan kepada satu pihak sahaja. Jurai keturunan itu bersifat matrilineal, di mana seseorang itu di susur-galurkan mengikut sebelah ibu.

Jurai, memperlihatkan hubungan keturunan seseorang melalui hubungan darah dari setingkat ke setingkat dengan bertunjangkan kepada pengakuan bahawa mereka berasal daripada satu nenek moyang yang sama.²

Dengan dasar sistem unilineal-matrilineal ini maka timbullah olan yang mereka namakan suku sebagai teras pegangan di dalam konsep Adat Perpatih. Berdasarkan kepada sejarah, terdapat dua belas suku dalam Adat Perpatih yang mempunyai identiti dengan nama tertentu, iaitu:

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Paya Kumbah
4. Suku Mungkal
5. Suku Tiga Batu
6. Suku Tiga Nenek
7. Suku Tanah Datar
8. Suku Seri Melenggang
9. Suku Seri Lemak
10. Suku Batu Belang
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Suku biduanda merupakan suku yang lebih istimewa kedudukannya di antara suku-suku tadi kerana pada anggapan pengamal-pengamal Adat Perpatih bahawa Suku Biduanda itu adalah sebagai suku Peribumi yang sesungguhnya merupakan orang asal di Negeri Sembilan. Sedangkan suku-suku lain ialah orang mendatang. Anggota-anggota suku inilah yang berhak untuk menyandang pusaka Undang Luak. Undang ialah puncak kepada struktur dan susunan ketua-ketua adat di peringkat kawasan atau disebut Luak.

¹ Idris bin Hj. Tain, Beberapa konsep penting dalam sistem Adat Perpatih, kertas kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, pada 10-12 April 1974 (stensilan), hal. 1. (Beberapa Konsep Penting Dalam Adat Perpatih).

² Beberapa Konsep Penting Dalam Adat Perpatih, hal. 2.

Di kalangan masyarakat yang bersuku-suku ini pula terdapat satu pola tempat kediaman bagi pasangan yang telah berkahwin. Tempat kediaman bagi satu-satu kelamin ialah di kawasan kepunyaan ibu isterinya. Di tempat isteri, suami adalah orang semenda¹ dan pihak lelaki yang menjadi ahli perut isterinya adalah tempat semenda kepadanya.

Suku-suku yang telah disebutkan di atas tadi, terbahagi pula kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil dipanggil perut. Satu-satu perut diketuai oleh seorang buapak. Tiap-tiap perut pula diberi nama mengikut nama wanita pengasas perut itu atau mengikut nama tempat perut itu ditubuhkan. Tiap-tiap anggota perut mengaku dan percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama. Hubungan kekeluargaan di antara anggota perut agak jelas kerana biasanya mempunyai beberapa peringkat generasi. Pada praktiknya kebanyakan perut terjumlah daripada tiga hingga empat generasi sahaja. Perut dianggotai khususnya keluarga sedarah nisab ibu seperti emak Ego,² emak kepada emak ego yang biasanya dipanggil uwan, emak kepada uwan, yang dipanggil nenek dan emak kepada nenek yang dipanggil moyang. Seterusnya ialah adik-beradik lelaki dan perempuan kepada emak Ego, adik-beradik lelaki dan perempuan kepada uwan, nenek dan moyang Ego dan saudara sepupu Ego sebelah ibu. Ada juga kemungkinan seseorang itu menjadi anggota perut walaupun tiada hubungan darah. Ini dapat dilakukan menerusi satu proses yang dinamakan berkedim.

Kedim maknanya ialah saudara. Menurut konsep am Adat Perpatih, istilah ini digunakan bagi lembaga anak angkat yang terdiri dari dua jenis iaitu kedim adat dan pusaka dan kedim adat pada lembaga. Kedim adat dan pusaka ialah mengambil seseorang sebagai anak angkat penuh, maksudnya ialah jika mengenai seorang perempuan, dengan berkedim cara ini, akan memberi kepadanya semua hak warisan dan semua tanggungjawab anak-anak perempuan dan cucu-cucu perempuan ibu angkatnya. Bagi lelaki pula jika diambil sebagai anak angkat penuh, ia boleh dipilih menjadi penghulu dalam suku ibu angkatnya.

Yang dimaksudkan dengan 'kedim adat pada lembaga' pula ialah pengambilan anak angkat terbatas, iaitu seorang anak perempuan dari sukunya sendiri atau dari bahagian sukunya diambil sebagai anak angkat dan kepadanya diberi hak hanya atas harta yang ditetapkan dan telah diberikan kepadanya semasa hidup ibu angkatnya.³

Dari segi struktur masyarakat Adat Perpatih seperti yang telah diperkatakan di atas tadi, dapat dibahagikan kepada lima perkara dasar:⁴

1. Keturunan adalah dikira melalui nisab ibu.
2. Perwarisan harta pusaka melalui perempuan.

¹ Orang semenda ialah seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan yang berlainan suku dengannya, maka orang lelaki itu dipanggil orang semenda kepada isterinya.

² Ego ialah orang yang menjadi fokus dalam mengesan jurai keturunan.

³ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 117.

⁴ Azizah Kassim, Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah untuk Sarjana Sastera, University Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hal. 7. (kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih).

3. Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih itu terbahagi kepada suku dan perut; tiap-tiap perut (dan kadang-kadang suku) adalah kumpulan yang exogamous.¹
4. Tempat kediaman selepas kahwin ialah di kawasan ibu isterinya
5. Ada pertalian istimewa di antara pihak anak buah kedim dengan buapak (bapa) kedim.

Oleh kerana anak-anak perempuan yang menerima harta pusaka, serta bertanggungjawab pula untuk menjaga ibu papa atau suami di masa tua kelak maka jika keluarga itu tiada anak perempuan, mereka akan mengambil anak angkat dengan istiadat berkedim tadi.

Merantau

Selain dari konsep-konsep yang telah diterangkan di atas tadi, terdapat satu konsep yang dianggap penting untuk menyebarkan adat itu dengan seluas-luasnya iaitu 'merantau'. Merantau adalah satu ciri penting di dalam Adat Perpatih. Konsep ini memainkan peranan penting bukan sahaja dari segi sosial, malah kepentingan itu dapat dilihat dari segi ekonomi dan politik.

Merantau di dalam amalan Adat Perpatih bermaksud merujuk kepada fenomena sosial di mana anak-anak muda keluar meninggalkan kampung ke kota-kota mengadu nasib dan mencari rezeki.²

Biasanya adalah menjadi kelaziman bagi anak-anak lelaki untuk pergi merantau. Tujuan utama mereka pergi merantau ialah untuk mencari rezeki bagi mengumpulkan harta kerana seseorang teruna itu jika mempunyai harta yang banyak akan disanjung tinggi oleh masyarakat istimewa lagi jika si teruna itu ingin meminang seseorang gadis, dengan pengaruh harta yang banyak terkumpul akan lebih membuka hati ibu bapa si gadis tadi untuk mendapat seorang menantu yang berharta. Ini disebabkan apabila anak gadis itu berkahwin dengan orang yang banyak harta, maka harta itu akan menjadi miliknya atau diistilahkan sebagai harta dapatan, kerana telah menjadi satu ciri di dalam masyarakat Adat Perpatih bahawa pihak perempuan adalah menjadi ahli waris untuk harta pusaka tinggalan suami dan keluarga.³

Anak-anak lelaki diorientasikan untuk pergi merantau bukan sahaja untuk mengumpulkan harta, tetapi mereka didedahkan dengan cara hidup berdikari agar setelah berumah-tangga nanti mereka akan dapat mengendalikan ekonomi rumah-tangga dengan baik demi kepentingan keluarga mereka nanti.

Telah menjadi satu ciri di dasar masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih bahawa jawatan undang adalah dipegang oleh anak lelaki. Untuk memegang jawatan ini beberapa aspek adalah diberikan perhatian oleh anggota-anggota suku seseorang

¹ Exogamous ialah masyarakat yang mengamalkan perkahwinan di luar suku.

² Sistem Sosial Adat Perpatih, hal. 97.

³ Tajuk pemilikan harta pusaka akan diuraikan di bab kedua nanti.

itu, seperti bakat kepimpinan yang ada pada diri individu itu juga harta milik orang yang bakal menjadi undang. Oleh itu, harta terkumpul juga boleh mempengaruhi seseorang itu untuk dipilih menjadi ketua. Dengan merantau, akan juga menambahkan pengalaman bagi anak lelaki sama ada mereka yang bakal menjadi pemimpin masyarakat ataupun menjadi ketua di dalam sesebuah rumah tangga.

Ada pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa dasar kerajaan membuka tanah-tanah rancangan adalah mempunyai persamaan pada dasarnya dengan konsep merantau yang diamalkan oleh Masyarakat Adat Perpatih. Oleh itu, tujuan yang tersirat di dalam konsep merantau memang bertujuan objektif iaitu bagi melahirkan individu yang boleh berdikari.

Apa yang dapat diperhatikan sekarang ini ialah faktor-faktor pelajaran telah membuatkan konsep merantau ini tidak sahaja terikat kepada anak lelaki, malah anak perempuan juga telah terlibat dalam merantau kerana dengan terbukanya peluang pekerjaan bagi mereka yang berpelajaran telah menyebabkan mereka meninggalkan kampung halaman dan sanak-saudara kerana bekerja di tempat yang jauh. 'Geographical mobility' bagi anak gadis sekarang lebih luas jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum wujudnya sistem pendidikan moden.

- Adat Temenggung

Adat Temenggung menurut Hooker ialah istilah yang digunakan untuk menerangkan adat yang bukan Adat Perpatih, juga mempunyai sistem yang berbeza.¹ Seterusnya beliau mengatakan lagi bahawa dari segi sistem kekeluargaan, adat ini berbentuk bilateral. Lain-lain istilah yang digunakan ialah adat kampung, adat Melayu, adat ketua dan adat Mukim.²

Kawasan-kawasan yang mengamalkan Adat Temenggung di Semenanjung Tanah Melayu ialah daerah-daerah Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kelantan.³

Perbezaan yang nyata di antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung ialah dalam cara pemerintahan, cara gadis keturunan, hukum jenayah dan hukum waris.⁴ Walaupun terdapat perbezaan di dalam hal-hal yang telah disebutkan itu, kedua-dua adat tersebut dikenali juga sebagai Adat Minangkabau.

Dasar hidup yang berbeza di dalam cara pentadbiran di antara kedua-dua adat kerana Adat Perpatih mengamalkan pentadbiran bercorak autokrasi.⁵

Dari segi dasar keturunan, Adat Temenggung menyusur-galurkan keturunan dari kedua-dua pihak ayah dan ibu, disebut 'bilateral kinship' tidak seperti Adat Perpatih yang terkenal dengan sistem kekeluargaan matrilineal. Walaupun dasar keturunan itu bercorak bilateral tetapi Adat Temenggung mengesan hubungan

¹ Adat Laws, hal. 2.

² Readings in Malay Adat Laws, hal. [xi]

³ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 157.

⁴ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 158.

⁵ Sebahagian Dari Dasar Hidup, hal. 7.

matrilineal untuk tujuan-tujuan 'clan', tetapi menekan hubungan patrilineal bagi menurunkan sesuatu jawatan dan pembahagian harta.¹

Hubungan di antara kekeluargaan juga tidak seerat hubungan yang terdapat di kalangan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Keadaan ini jelas di dalam perbilangan yang berbunyi:

Siapa menjala siapa terjun;
Siapa berhutang siapa membayar;
Siapa bersalah siapa bertimbang; dan
Siapa membunuh siapa kena bunuh.²

Walaupun demikian di dalam hubungan masyarakat anggota masyarakat Adat Temenggung tidak bersifat membendakan antara anggotanya mengikut puak kerana ia tidak mengandungi sistem suku, sistem lembaga, sistem, perut dan sebagainya. Hilangnya sistem suku di dalam masyarakat itu disebabkan masyarakat Adat Temenggung mengamalkan perkahwinan endogami dan banyak dipengaruhi oleh Hukum Syarak.

Sistem kewarisan Adat Temenggung adalah sistem kewarisan individual (perseorangan) di mana harta peninggalan dapat dibahagi pamilikannya di antara ahli waris.

¹ Adat Laws, hal. 30.

² Abdul Rahman bin Haji Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, hal. 19.